

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS @ TUBAU  
[LIBARAN]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU [ LIBARAN ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam mempromosikan RMK-12 kepada rakan-rakan perdagangan sedunia di alaf pasca COVID-19 serta cabaran ekonomi global yang dinamik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi mengharungi cabaran semasa dalam konteks domestik dan global dan seterusnya mendepani fasa endemik, Kerajaan telah mengenal pasti **penjana semula ekonomi** sebagai salah satu daripada fokus utama di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), ke arah mencapai status negara yang makmur, inklusif dan mampan, sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030.
2. RMKe-12 menggariskan beberapa inisiatif bagi memantapkan prestasi Malaysia dalam ekonomi dunia dan mengukuhkan kedudukan negara dalam rangkaian bekalan global. Antaranya adalah memperluaskan pasaran eksport serta merencanakan pembangunan industri dan aktiviti yang strategik serta berimpak tinggi, termasuk elektrik dan elektronik, perkhidmatan global, aeroangkasa, dan halal. Di samping itu, pelaburan sektor swasta juga akan terus dirangsang dengan berpaksikan kepada elemen persekitaran, sosial dan tadbir urus (*environment, social and governance* – ESG) bagi menyokong agenda ekonomi hijau negara.
3. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan menerajui dan melengkapi aspirasi RMKe-12 yang berhubung kait rapat dengan pelaburan dan perdagangan, melalui dasar-dasar sedia ada seperti Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspirations* - NIA) dan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (*National Trade Blueprint* - NTBp) 2021-2025. NIA dan NTBp turut menyetujui peralihan industri kepada yang lebih sofistikated dengan menghasilkan barangan dan perkhidmatan dengan nilai tambah yang tinggi dalam sektor-sektor strategik dan berlandaskan prinsip-prinsip ESG, memperluas pasaran eksport global, menarik pelaburan berkualiti bagi menyumbang kepada pencapaian agenda ekonomi hijau di samping mempertingkatkan keterangkuman dalam pembangunan ekonomi negara.
4. Di samping itu, MITI juga akan menyetujui inisiatif-inisiatif di bawah RMKe-12 serta peluang-peluang kerjasama dua hala yang wujud dalam sektor-sektor strategik yang mendokong elemen-elemen ESG,

yang boleh dimanfaatkan secara bersama, melalui libat urus dengan rakan-rakan dagang di peringkat *Government-to-Government*, *Government-to-Business* mahupun *Business-to-Business*.

5. Selain itu, MITI menerusi MIDA akan terus melaksanakan usaha-usaha penggalakan pelaburan di kalangan rakan-rakan dagang termasuk melalui penganjuran Misi Pelaburan Khusus (*Specific Project Mission*) dengan pelabur berpotensi yang disasarkan, serta webinar dengan kerjasama dewan perniagaan, institut perbankan dan komuniti perniagaan antarabangsa.

6. Di samping itu, MITI melalui MATRADE akan meneruskan usaha meningkatkan pasaran eksport barangan keluaran Malaysia melalui Program *Malaysia Services and Halal Go Global* (MSHGG) yang bertujuan menerokai pasaran antarabangsa serta mempromosikan produk dan perkhidmatan sejajar dengan sektor-sektor strategik yang dikenal pasti di bawah RMKe-12. Program MSHGG ini disasarkan untuk membantu sejumlah 1,200 buah syarikat Malaysia setiap tahun atau secara kolektifnya, 6,000 buah syarikat untuk tempoh lima tahun sehingga tahun 2025, dengan sasaran penghasilan eksport berjumlah RM40 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Secara kesimpulan, MITI akan melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi pelaburan dan perdagangan secara strategik dan berterusan bagi menyokong peralihan Malaysia kepada aktiviti ekonomi yang bernilai tambah dan berkemahiran tinggi bagi menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang dipacu oleh teknologi termaju dalam menyokong transformasi negara di bawah RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI  
[LAHAD DATU]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isi kandungan perjanjian di antara Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dengan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1979 bagi membangunkan tanah di Pantai Timur Sabah dan adakah semua perkara di dalam perjanjian telah dipatuhi

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkara-perkara utama yang terkandung dalam perjanjian antara FELDA dengan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1979 bagi membangunkan tanah di Pantai Timur Sabah adalah seperti berikut:

- (i) pemberian tanah seluas 151,292.74 ekar dan tanggungjawab FELDA membayar premium tanah bagi setiap hak milik yang diperolehi;
- (ii) tanggungjawab FELDA untuk membersihkan dan menjalankan proses penanaman bagi kerja-kerja perladangan sama seperti yang dijalankan di kawasan-kawasan FELDA di Semenanjung Malaysia;
- (iii) hak untuk FELDA membahagikan kawasan-kawasan tanah kepada bahagian penanaman (*agricultural area*), bahagian penempatan (*residential area*), bahagian perkilangan, pentadbiran dan komersial (*residential site*) dan kawasan-kawasan lain yang FELDA berpendapat sesuai bagi melaksanakan tujuan penubuhan FELDA;
- (iv) tanggungjawab FELDA untuk mengenal pasti rakyat-rakyat tempatan yang layak untuk diterima sebagai peneroka FELDA untuk ditempatkan di kawasan yang akan ditentukan. Proses pemilihan untuk menjadi peneroka FELDA ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan FELDA yang ditubuhkan bersama oleh FELDA dan Kerajaan Negeri Sabah;
- (v) tanggungjawab FELDA untuk mengadakan perjanjian bersama peneroka-peneroka yang terpilih bagi mengikat tanggungjawab bagi kedua-dua belah pihak; dan

- (vi) tanggungjawab FELDA untuk membayar gaji kepada peneroka berdasarkan kadar yang ditetapkan semasa peringkat awal proses pendudukan. FELDA juga boleh memberi dividen yang difikirkan bersesuaian kepada peneroka mengikut ketetapan pihak FELDA sendiri.

2. Program pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELDA di negeri Sabah telah memberi pelbagai manfaat antaranya seperti berikut:

- (i) peningkatan taraf sosio-ekonomi dan kualiti hidup di kalangan 1,647 orang peneroka melalui sumber pendapatan yang terjamin dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di tanah rancangan;
- (ii) pendapatan kepada Kerajaan Negeri melalui kutipan cukai tanah dan bayaran premium bagi kawasan tanah yang dibuka oleh FELDA;
- (iii) peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan melalui aktiviti-aktiviti perkilangan, pengangkutan, pembinaan, pemasaran;
- (iv) penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan pedalaman (kawasan FELDA) yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi; dan
- (v) membantu menangani masalah keselamatan khususnya dari segi ancaman lanun di kawasan FELDA Sahabat.

3. Kesemua manfaat ini merupakan hasil daripada pematuhan kepada perjanjian antara FELDA dengan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1979.

Sekian, terima kasih.